

DIALEK MELAYU BALING: SATU PEMERIAN AWAL

(Baling Malay: A Preliminary Description)

Mohd Tarmizi Hasrah*
h.tarmizi@uum.edu.my

Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani
ujanasastera.k3@gmail.com

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,
Universiti Utara Malaysia.

Penulis Penghubung (*corresponding author*): *

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Mohd Tarmizi Hasrah & Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2021). Dialek Melayu Baling: Satu pemerian awal. *Jurnal Bahasa*, 21(1), 193–216. [http://doi.org.10.37052/jb21\(2\)no2](http://doi.org.10.37052/jb21(2)no2)

Peroleh: Received:	21/4/2021	Semakan: Revised	16/5/2021	Terima: Accepted:	20/5/2021	Terbit dalam talian: Published online:	5/12/2021
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Berdasarkan fakta, dialek di kawasan pedalaman memiliki sistem linguistik yang berbeza dengan sistem linguistik di kawasan bandar dan pekan. Salah satu dialek di kawasan pedalaman yang ditanggapi memiliki kelainan yang dimaksudkan ialah dialek Melayu yang dituturkan di daerah Baling, Kedah. Artikel ini bertujuan memaparkan pemerian sistem fonologi dialek Melayu tersebut dengan tumpuan terhadap pemerian fonem dan analisis beberapa ciri fonologi bagi mengesahkan dakwaan kelainannya. Pemerian fonem dilakukan berdasarkan kaedah yang ditetapkan dalam *Basic Linguistic Theory*; manakala analisis ciri fonologi pula dikerjakan dengan menerapkan kerangka dialektologi diakronik yang memfokuskan pemerian, perbandingan dan pengelompokan. Kewujudan konsonan [ɣ] dan proses fonologi seperti penyatuan nasal BMP *-am kepada [-an], penyatuan diftong BMP *-aw dan *-ay kepada [ɔ] selain pengejalan BMP *ɣ di awal dan di antara vokal dan penggugurannya di akhir yang mengubah nilai vokal sebelumnya jelas menunjukkan bahawa

dialek Melayu di Baling memerlukan kelihan yang berbeza daripada tanggapan pengkaji lepas. Kelihan yang dimaksudkan menegaskan bahawa dialek tersebut wajar dianggap sebagai dialek tersendiri yang memerlukan nomenklatur dan pengelompokan baharu daripada hanya sekadar dikelompokkan di bawah subdialek Melayu Kedah. Implikasi penemuan seperti ini secara tidak langsung menolak perspektif umum tentang pengelompokan dialek Melayu Semenanjung yang masih melihat kewujudan dialek tersendiri dalam sesebuah negeri dianggap sebagai “subdialek” kepada dialek negeri berkenaan.

Kata kunci: Dialektologi, linguistik diakronik, dialek Melayu Baling, dialek Melayu Semenanjung, Malayik Purba

Abstract

*It is proven that dialects in the rural areas have different linguistic systems compared to urban areas. One of the dialects in the rural area considered to be distinctive among Malay dialects is that found in the district of Baling in Kedah. This study aims to examine the phonological system of the Baling Malay dialect. The analysis focuses on the distribution of vocal phonemes and several phonological features that illustrate the dialect's distinctiveness. Phoneme characterization is performed based on the method proposed in Basic Linguistic Theory, while the analysis of phonological features is carried out by applying a diachronic dialectology framework that focuses on representation, comparison and clustering. The existence of consonants [ɣ] and phonological processes such as the nasal unification of BMP *-am to [-an], the unification of the diphthongs of BMP *-aw and *-ay to [ɔ], besides the retention of BMP *ɣ at the beginning and between vowels and its deletion at the end that change the preceding vowel clearly show that the Malay dialect of Baling differs from the assumptions of previous researchers. This means that Baling Malay is a dialect in its own right rather than merely being a subdialect of Kedah Malay, and should be considered as requiring its own clustering and nomenclature. The implication of this discovery is that it renders inaccurate the general perception that Malay dialects within one state on the Peninsula are “subdialects” of the Malay spoken in that state.*

Keywords: Dialectology, diachronic linguistics, Baling Malay dialect, Malay Peninsular dialect, Proto-Malayic

PENGENALAN

Bahasa merupakan alat komunikasi yang digunakan oleh manusia untuk saling berinteraksi dan berhubung antara satu sama lain. Bahasa digunakan oleh penuturnya, maka penggunaan bahasa bagi setiap kelompok penutur adalah berbeza bergantung pada pergaulan, cara hidup dan ruang geografi. Perbezaan ini seterusnya menyumbang kepada pembentukan sejenis alur pertuturan yang dikenali sebagai dialek, iaitu yang ditakrifkan sebagai ragam bahasa yang dapat dibezakan dengan tegas daripada ragam lain melalui ciri lafaz, kosa kata dan/atau tatabahasa (Collins, 1989). Walaupun berbeza secara tegas, tetapi dialek masih memperlihatkan persamaan dan kefahaman menyaling antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana dialek, menurut perspektif historis, berasal daripada bahasa induk yang sama, justeru dianggap sebagai cabang kecil yang terpecar daripadanya (Chambers & Trudgill, 1998).

Tidak dinafikan bahawa pembentukan kawasan dialek dipengaruhi oleh sempadan politik dan pentadbiran negeri; kasus *Rhenish Fan* di Jerman merupakan buktinya yang terkenal (Chamber & Trudgill, 1998). Tanggapan mengenai penyebaran dialek berdasarkan perspektif ini disokong antara lainnya oleh Asmah (2008) yang merujuk khusus kepada dialek Melayu. Dalam karya cemerlang tersebut, Asmah membincangkan pemerian dialek Melayu secara sinkronik dan diakronik yang dibangunkan daripada perspektif sempadan politik menyamai sempadan dialek. Hal ini dapat dilihat menerusi pembahagian bab-babnya mengikut nama negeri, selain pemilihan “subdialek” standard yang mewakili varian unggul bagi dialek di sesebuah negeri. Perspektif seperti ini lantas mengimplikasikan bahawa Asmah memang menerima konsep pembahagian dialek mengikut sempadan politik.

Faktanya ialah kita tidak boleh menolak bahawa faktor sempadan geografi juga mempengaruhi perbezaan dialek. Ada kalanya pengaruh asing atau dialek pendatang juga turut menyumbang kepada perubahan dialek di sesebuah kawasan (Trudgill, 2011). Contoh yang paling dekat ialah fenomena dialek di kawasan hulu Kedah, iaitu Baling. Kajian Shuib (1971) dapat memberikan sedikit gambaran kepada kita tentang fenomena variasi pertuturan yang berlaku di Baling. Menurutnya, kewujudan variasi yang pelbagai di kawasan tersebut disebabkan oleh faktor migrasi atau penghijrahan. Kesannya, dialek Melayu di Baling terpecah kepada tiga, iaitu dialek Melayu Kedah, dialek Melayu Patani dan dialek Samsam.

Dialek Melayu di Baling dikatakan memiliki ciri khas yang membezakannya dengan dialek Melayu Kedah. Soalnya, adakah kenyataan ini mewajarkan dialek Melayu di Baling dikelompokkan hanya sebagai variasi atau subdialek kepada dialek Melayu Kedah seperti yang dikemukakan misalnya oleh Asmah (2008) dan Nur Faslin (2015)? Pemerian awal yang ditampilkan di sini menolak pengelompokan seperti ini, justeru menegaskan bahawa dialek Melayu di Baling perlu dikelompokkan secara tersendiri, mungkin bersekali dengan dialek lain yang ada di sekitarnya, iaitu Sik-Pengkalan Hulu-Gerik-Jeli. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan perkara tersebut dengan mengemukakan satu tesis awal bahawa dialek Melayu di Baling merupakan dialek tersendiri yang perlu dinamakan sebagai dialek Melayu Baling. Dialek ini tidak bernaung dalam kelompok dialek Melayu cabang utara. Kewujudan dialek Melayu Baling dibuktikan menerusi pemerian fonem (inventori dan distribusi) dan ciri fonologi. Beberapa fonem dan ciri fonologi jelas menunjukkan kelainan dialek Melayu Baling dengan dialek Melayu cabang utara justeru mengesahkan tesis awal artikel ini.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Penelitian dialek Melayu Kedah yang melihat aspek fonologi telah lama dijalankan. Sebagai contoh, kajian oleh Ida (1969) yang meneliti aspek fonologinya dari perspektif yang umum. Kajian ini lebih memfokuskan penyebaran bunyi vokal, konsonan dan diftong, lantas menambah pengetahuan umum kepada masyarakat tentang bentuk linguistik dialek Melayu Kedah.

Beberapa tahun selepas itu, Abdul Karim (1971) turut tidak ketinggalan menambah koleksi kajian berkenaan dialek Kedah. Beliau antara pengkaji awal yang memberikan tumpuan khusus terhadap Baling. Pada mulanya kajian ini adalah untuk membandingkan subdialek Baling dengan dialek Kedah standard. Akan tetapi, beliau mendapati wujud variasi lain di Kedah seperti dialek Melayu Patani dan dialek Samsam. Kewujudan variasi dialek lain di Baling telah membuka mata pengkaji baharu untuk melakukan analisis mengenainya dengan lebih mendalam dan menyeluruh.

Dialek Melayu Kedah turut dibincangkan dengan panjang lebar oleh Asmah (2008). Dalam karya ini, Asmah telah menganalisis sistem fonologi hampir keseluruhan dialek Melayu di Malaysia, termasuklah dialek Melayu Kedah. Analisis Asmah berupaya memaparkan gambaran yang menyeluruh mengenai penyebaran dialek di daerah Baling. Penilaian ini

dibuat disebabkan analisis yang dilakukan mencakupi kesemua variasi yang terdapat di kawasan tersebut. Namun begitu, ada dua perkara yang boleh dipersoalkan. Pertama, walaupun varian Hulu Kedah ini dikatakan sebagai dialek Melayu Kedah yang standard, namun Asmah tidak menampilkan ciri khasnya. Ciri fonologi yang ditampilkan merupakan ciri umum yang wujud dalam kebanyakan dialek Melayu. Kedua, disebabkan tiada pemerian ciri khas varian Hulu Kedah ini, maka struktur ciri linguistik yang dianggap berkembang daripada dialek Kedah standard sukar untuk ditonjolkan.

Kajian mengenai aspek fonologi dialek Melayu di Baling juga pernah dilakukan oleh Umaiyah (1999). Kajian ini merupakan kajian awal selepas Asmah (2008) yang dilakukan di kawasan Baling. Yang menariknya, Umaiyah mencadangkan dialek Melayu dari Thailand yang dituturkan di daerah Baling diletakkan dalam kumpulan yang sama dengan dialek Melayu yang terdapat di Satun; manakala dari segi perbendaharaan kata asas dan leksikal pula, dialek Melayu yang berasal dari Thailand ini boleh diletakkan dalam kumpulan dialek Melayu di Thai Selatan. Namun begitu, dapatan ini agak berat sebelah kerana hanya terbatas di sebuah mukim dan hanya melibatkan dua buah kampung, maka tidak mewakili keseluruhan komuniti penutur dialek Melayu Thai Selatan yang terdapat di Baling.

Shahidi (2009) mendeskripsikan proses fonologi dalam variasi Kedah Utara dengan memaparkan distribusi fonem vokal dan konsonan. Data variasi yang dianalisis dikumpulkan di daerah Padang Terap. Shahidi membuktikan bahawa tanggapan pengkaji sebelum ini bahawa tiada perbezaan antara variasi Kedah Utara dengan variasi Kedah Pesisiran adalah salah. Unsur aspirasi pada perkataan turut ditemui dalam kajian ini. Vokal kardinal sekunder belakang hampir bundar, iaitu [ɔ] juga kedengaran dalam pertuturan informan. Penemuan ini menunjukkan bahawa wujud pengaruh bahasa Melayu dari Thailand, khususnya dialek Melayu Patani dalam variasi Kedah Utara.

Yang terbaharu ialah kajian oleh Norfazila dan Rahim (2015) yang melihat proses pemanjangan dan proses penyisipan vokal dalam dialek Hulu Sik, Kedah. Menurut Norfazila dan Rahim, fenomena pemanjangan vokal ini berlaku akibat proses pengguguran, pembundaran dan peninggian vokal. Kajian ini memanfaatkan kerangka teori linguistik fonologi generatif model non-linear atau dikenali juga sebagai Teori Fonologi Autosegmental bagi menganalisis proses fonologi tersebut. Dalam kajian ini, Norfazila dan Rahim berjaya membuktikan bahawa dialek Hulu Sik tidak membenarkan kehadiran dua vokal secara berurutan. Hal ini seterusnya membawa kepada hipotesis dasar, iaitu sekiranya terdapat dua vokal yang hadir

secara berurutan, maka kekangan dalam perkataan itu terjadi pada vokal pertama yang mengalami pengguguran dan vokal kedua pula mengalami pembundaran. Dapatan kajian memberikan implikasi kepada kita bahawa gejala dialek di Sik, Padang Terap dan Baling memiliki ciri linguistik yang hampir sama lantas memerlukan suatu kajian susulan yang lebih terperinci dan menyeluruh.

Kajian lain yang agak penting untuk dibincangkan selanjutnya ialah Nur Faslin (2015). Beliau secara khusus mengkaji “subdialek Baling” yang digelarnya sebagai “pecahan dialek Kedah,” yakni tanggapan yang dibangunkan atas praandaian bahawa jikalau sesebuah kawasan yang menuturkan loghat lain, maka kawasan tersebut perlu dianggap sebagai cabang daripada dialek rasmi negeri yang menaunginya. Hal yang dibincangkan oleh Nur Faslin ialah inventori fonem dan penyebarannya. Penentuan fonem dilakukan menggunakan kaedah yang dikemukakan oleh Pike dengan prosedur titik dan cara artikulasi. Hasil pemerian fonem membolehkan Nur Faslin membuat dua kesimpulan: (i) subdialek Baling memiliki persamaan dengan dialek Melayu Kedah dan dialek-dialek utara lain; dan, (ii) terdapatnya pengaruh dialek Melayu Perak dan dialek Melayu Patani dalam subdialek Baling. Walau bagaimanapun, kedua-dua kesimpulan ini tidak dikukuhkan dengan perbandingan yang menyeluruh, melainkan hanya melibatkan bahasa Melayu standard dan varian di dua buah kampung yang dikatakan sarat dengan pengaruh dialek Melayu Patani dan dialek pantai timur.

Terdapat ciri fonologi yang perlu dibincangkan dengan lebih lanjut. Nur Faslin (2015) berpendapat subdialek Baling memperlihatkan perubahan BMP *-iy, *-ay, *-uy kepada [-iyaʃ], [-aʃ], [-oʃ], sedangkan varian Kampung Simpang Empat dan Teluk Sanau menunjukkan bentuk [-e], [-a], [-o], dengan *y digugurkan. Beliau menjadikan bukti ini sebagai salah satu hujah untuk mengukuhkan kesimpulan mengenai kesejajaran subdialek Baling dengan dialek Melayu Kedah kerana perubahan *y kepada [ʃ] memang merupakan ciri khas dialek tersebut. Akan tetapi, penetapan ini dilihat sedikit bermasalah. Identiti sesebuah dialek bagi membolehkan pembentukan nomenklatur dan pengelompokannya mestilah dibuat berdasarkan ciri inovasi atau kelainan bukan persamaan (Collins, 1989). Oleh sebab itu, yang perlu diangkat sebagai ciri khas dialek di Baling ialah ciri yang terdapat di Kampung Simpang Empat dan Teluk Sanau, atau kampung-kampung lain yang memperlihatkan trajektori perubahan yang serupa.

Jikalau diteliti secara saksama kajian yang dipaparkan tersebut sangat jelas menunjukkan kesepakatan pengkaji terhadap tiga perkara, iaitu

(i) dialek Melayu di Baling merupakan dialek campuran justeru tidak memiliki ciri khas, (ii) percampuran tersebut berpunca daripada migrasi orang dari Thailand, dan (iii) dialek Melayu di Baling hanyalah “subdialek” kepada dialek Melayu Kedah. Tanpa menafikan elemen percampuran dan “subdialek” yang dimaksudkan, artikel ini cuba menampilkan kelihan yang berbeza dengan menerapkan kerangka dialektologi diakronik (Mahsun, 1995). Hasil analisis menunjukkan bahawa dialek Melayu Baling memang memiliki ciri khas, maka memerlukan pengelompokan yang tersendiri yang mungkin melibatkan dialek Melayu di kawasan Sik-Baling-Pengkalan Hulu-Jeli. Kedua-dua kelihan ini menatijahkan bahawa dialek Melayu Baling bukanlah “subdialek” kepada dialek Melayu Kedah tetapi memerlukan nomenklatur lain yang tidak akan disentuh dalam artikel yang bersifat awalan ini.

METODOLOGI KAJIAN

Data dialek Melayu Baling yang dianalisis dalam kajian ini hanya tertumpu pada sebuah kampung, iaitu Kampung Batu 7. Kampung ini terletak tidak jauh dari pekan Baling. Pemilihan kampung ini dibuat berdasarkan kaedah pertanyaan rawak kepada warga Baling tentang “kawasan mana loghatnya pekat?” Kebanyakan jawapan yang diperoleh memberikan gambaran bahawa Kampung Batu 7 sesuai untuk dijadikan titik penelitian awal sebagai usaha mendeskripsi dialek Melayu Baling. Selain itu, tinjauan awal yang dilakukan oleh salah seorang penulis artikel ini menunjukkan beberapa ciri fonologi yang muncul dalam pertuturan penduduk di Kampung Batu 7 berbeza dengan anggapan yang diterima umum. Sebagai contoh, perubahan *ɣ pada posisi akhir kata. Nur Faslin (2015: 29) umpamanya menunjukkan konsonan *ɣ menjadi [ʕ] dalam dialek Melayu Baling, sedangkan yang ditemui di Kampung Batu 7 ialah pengguguran dan perubahan nilai vokal yang hadir sebelum konsonan tersebut. Contohnya [ipe] “ipar”. Realiti ini jelas menunjukkan bahawa Kampung Batu 7 perlu menjadi titik penelitian penting bagi memahami persoalan fonologi sinkronik dan diakronik dialek Melayu Baling.

Informan tidak dipilih secara rawak, sebaliknya terkawal, iaitu dengan menggunakan formula *non-mobile, older, rural, predominantly males (NORM)* (Chambers & Trudgill, 1998). Terdapat dua informan yang ditemu bual di Kampung Batu 7, dan kedua-duanya mematuhi prinsip *NORM*. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual dengan menggunakan instrumen data naratif dan daftar kata. Bagi teknik naratif,

pengkaji meminta informan untuk memilih mana-mana topik yang ingin dibualkan bagi tujuan perakaman. Kaedah ini dipakai untuk memberikan kebebasan dan keselesaan kepada informan ketika ditemu bual. Kajian ini memanfaatkan daftar kata asas yang terdiri daripada 640 item.

Data terkumpul dianalisis bagi menetapkan inventori fonem dan ciri fonologi yang khas. Penentuan inventori fonem dilakukan menggunakan kriteria fonetik, bukan fonemik, berasaskan kerangka *Basic Linguistic Theory (BLT)* yang dikemukakan oleh Dixon (2010). Menurut Dixon (2010), inventori fonem mestilah dipaparkan dalam matriks konsonan dan carta vokal kardinal. Berasaskan *BLT*, hal ini bermaksud setiap fonem dialek Melayu Baling hanya ditentukan berdasarkan distribusi tanpa mengaitkannya dengan pasangan minimal.

Pemaparan ciri fonologi pula adalah dengan melihat kepada kelainan. Penentuan ciri yang “lain” ini dilakukan menggunakan analisis perbandingan pada dua tahap, iaitu tahap bahasa Malayik Purba (BMP) dan tahap dialek semasa. Kaedah yang diterapkan untuk analisis perbandingan ini ialah dialektologi diakronik (Nothofer, 1993; Mahsun, 1995). Kaedah ini menetapkan bahawa matlamat kajian dialek antara lainnya adalah untuk memerikan ciri dialek semasa dan menghubungkan ciri tersebut dengan perkembangannya secara historis, yakni bagi menjawab soalan bagaimana dialek semasa mendapat cirinya.

DAPATAN KAJIAN

Usaha mendeskripsi fonem dialek Melayu Baling banyak memanfaatkan data yang diperolehi menerusi kajian lapangan di Kampung Batu 7 yang dilakukan pada 25 hingga 28 Mac 2021. Namun begitu, pengkaji turut memanfaatkan hasil penelitian beberapa kajian lepas bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian khususnya sebagai perbandingan. Penelitian kajian lepas tersebut termasuklah maklumat yang terkandung dalam Asmah (2008), Shahidi A. H. (2009), Norfazila dan Rahim (2015) serta Nur Faslin (2015). Perlu ditegaskan bahawa ciri fonologi dialek Melayu Baling yang dikemukakan dalam artikel ini didapati berbeza jika dibandingkan dengan penemuan terdahulu khususnya pada pentafsiran mengenai kewujudan fonem-fonem dan proses fonologi tertentu.

INVENTORI VOKAL

Inventori vokal yang ditemui dalam dialek Melayu Baling varian Batu 7 dapat diperincikan seperti yang berikut:

Jadual 1 Inventori vokal.

Vokal Depan	i	e	ɛ
Vokal Tengah	ə	a	
Vokal Belakang	u	o	ɔ

Secara fonetik, dialek Melayu Baling mempunyai lapan vokal, iaitu [i, e, ɛ, ə, a, u, o, ɔ], menyamai sistem yang diperikan oleh Asmah (2008) dan Nur Faslin, (2015). Sistem ini berkembang daripada vokal BMP *i, *a, *ə dan *u. Dalam sistem ini terdapat tiga vokal depan, iaitu [i, e, ɛ] (pengekalan dan pengembangan daripada BMP *i), dua vokal tengah, iaitu [ə, a] (pengekalan BMP *ə dan *a), dan tiga vokal belakang, iaitu [u, o, ɔ] (pengekalan dan pengembangan BMP *u). Sistem vokal seperti ini memperlihatkan pola yang simetri, yang menyamai kebanyakan sistem vokal dalam dialek Melayu lain, umpamanya dialek Melayu Kelantan varian Pasir Mas (Ajid, 1985) dan dialek Melayu Hulu Pahang (Mohd Tarmizi *et al.*, 2014).

Vokal [i]

Vokal [i] boleh hadir dalam suku kata praakhir dan suku kata akhir. Sebagai contoh:

- [ipə] “ipar”
- [pisə] “pisau”
- [siku] “siku”
- [guʔi] “tempayan”
- [manih] “manis”

Vokal [e]

Vokal [e] pula hanya hadir dalam suku kata akhir. Umpamanya:

- [həne] “hanyir”
- [təbeŋ] “tebing”
- [sakeʔ] “sakit”.

Vokal [ɛ]

Vokal [ɛ] muncul pada posisi suku kata awal praakhir dan suku kata akhir.
Contohnya:

[ɛsoʔ] “esok”
[mɛɣəh] “merah”
[sɛpɐʔ] “sepak”
[kaɛ] “kail”
[tɛɲəh] “tenyeh”

Vokal [ə]

Vokal [ə] juga wujud, tetapi hanya tersebar dalam suku kata praakhir.
Contohnya:

[təmbakə] “tembakau”
[lə.mu] “lembu”
[ləpəh] “lepas”
[təbaŋ] “tebang”
[təbah] “tebas”

Vokal [a]

Vokal [a] boleh hadir dalam suku kata praakhir dan suku kata akhir. Dalam suku kata akhir [a] memperlihatkan variasi bebas, iaitu: i) [ɐ] pada posisi akhir kata, sebelum konsonan letupan dan geseran koronal serta sebelum geseran velar; ii) [ɛ] sebelum nasal akhir; dan iii) [æ] pada posisi sebelum konsonan letupan dan geseran tak koronal. Sebagai contoh:

[anɐʔ] “anak”
[tanəh] “tanah”
[aŋkɛʔ] “angkat/angkit”
[ɔɣaŋ] “orang”
[ayan] “ayam”
[make] “makan”
[kəɣæʔ] “kerat”
[təbæh] “tebas”
[pɔsɐ] “puasa”

Vokal [u]

Kewujudan vokal [u] turut dikesan, iaitu dalam suku kata praakhir dan suku kata akhir. Contohnya:

- [ulu] “hulu”
- [pulɔ] “pulau”
- [suŋɛ] “sungai”
- [ɣabu] “rabu”
- [x:əduʔ] “keredut”

Vokal [o]

Vokal [o] pula boleh hadir dalam suku kata akhir. Contohnya:

- [təyɔŋ] “terung”
- [p^h:aoh] “buah pauh”
- [p^h:on] “pohon”

Vokal [ɔ]

Vokal [ɔ] muncul dalam suku kata praakhir dan suku kata akhir. Misalnya:

- [ɔɣaŋ] “orang”
- [mɔtɔŋ] “memotong getah”
- [ɔtɔʔ] “otak”
- [ɲɔ] “kelapa”

INVENTORI KONSONAN

Inventori fonem konsonan adalah seperti Jadual 2 yang berikut:

Jadual 2 Inventori konsonan.

Daerah Sebutan Cara Sebutan	Bilabial	Alveolar	Palato- alveolar	Velar	Glotal
Hentian	p b	t d		k g	ʔ
Nasal	m	n	ɲ	ŋ	
Letusan			c j		
Geseran		s		ɣ	h
Sisian		l			
Separuh vokal	w		y		

Konsonan Hentian

Konsonan hentian dialek Melayu Baling merangkumi [p, b, t, d, k, g, ʔ]. Kesemua konsonan ini hadir pada posisi awal dan antara vokal. Distribusi ini bagaimanapun ada kekecualian, iaitu pada posisi akhir kata kerana kekangan fonotaktik dialek Melayu Baling hanya membenarkan kehadiran hentian glotis. Sebagai contoh:

[kateʔ] “pukul”
[bako] “bakul”
[təbeŋ] “tebing”
[teŋeŋ] “tenyeh”
[deŋ] “merebahkan seseorang ketika bergaduh”
[badan] “badan”
[geŋe] “macam mana, kenapa”
[piŋgaŋ] “pinggang”
[kapeʔ] “kapak”

Konsonan Nasal

Terdapat empat konsonan nasal, iaitu [m], [n], [ɲ] dan [ŋ]. Nasal [m] boleh hadir di awal kata dan tengah kata (antara vokal dan nasal homorganik). Nasal [n] pula hadir di awal, tengah (antara vokal dan nasal homorganik) dan akhir kata. Nasal velar [ŋ] hanya di awal dan tengah. Sedangkan nasal palatal [ɲ] yang hanya hadir pada posisi awal kata dan tengah kata. Contohnya:

[malan] “malam”
[le:mu] “lembu”
[na:kə] “nangka”
[ta:noʔ] “tandok”
[ayan] “ayam”
[kaŋdaŋ] “kandang”
[təyoŋ] “buah terung”
[ŋaŋe] “nganga”
[piŋaŋ] “pinggang”
[ɲale] “nyala”
[taŋe] “tanya”

Konsonan Letusan

Konsonan letusan terdiri daripada letusan palato-alveolar tak bersuara dan bersuara, iaitu [c] dan [j]. Konsonan ini hadir pada posisi awal

kata dan posisi antara vokal selain dalam struktur nasal homorganik. Contohnya:

[cacəŋ] “cacing”
[jəyəŋ] “buah jering”
[paŋjaŋ] “panjang”

Konsonan Geseran

Ada tiga konsonan geseran dalam dialek Melayu Baling, iaitu [s], [ɣ] dan [h]. Konsonan [s] muncul di awal dan di antara vokal. Konsonan [ɣ] pula muncul di awal dan di antara vokal. Bagi konsonan [h] pula, posisi yang boleh dihadapinya ialah awal, antara vokal dan akhir kata. Pada posisi awal [h] memperlihatkan dua keadaan yang motivasinya masih belum jelas. Pada posisi akhir pula, jikalau diselak tabir historisnya, [h] terbentuk daripada dua fonem yang berbeza, iaitu BMP *h dan BMP *s. Contohnya:

[sakeʔ] “sakit”
[pisaŋ] “buah pisang”
[manih] “manis”
[ulu] “hulu”
[hitan] “hitam”
[pahe] “paha”
[yumeʔ] “rumah”
[təyəbaŋ] “terbang”
[bake] “bakar”

Konsonan Sisian

Konsonan [l] dalam dialek Melayu Baling hanya hadir pada lingkungan awal kata dan tengah kata. Di akhir kata konsonan ini digugurkan. Sebagai contoh:

[ləteʔ] “letih”
[tələʔ] “tolak”
[ka:e] “kail”

Separuh Vokal

Terdapat dua fonem separuh vokal dalam dialek Melayu Baling yang hanya boleh menempati posisi awal dan antara vokal. Sebagai contoh:

[wayaŋ] “wayang”
[sawə] “ular sawa”

[yɛ] “ungkapan membenarkan”
[bayan] “sayur bayam”

RANGKAP FONEM

Dialek Melayu Baling turut memperlihatkan kehadiran rangkap fonem, iaitu rangkap nasal-oral. Rangkap ini merujuk deretan dua konsonan yang muncul secara bersebelahan, iaitu yang terdiri daripada satu bunyi nasal dan satu bunyi oral tanpa disela oleh bunyi-bunyi lain di antaranya. Dalam dialek Melayu Baling, rangkap nasal-oral boleh dibahagikan kepada (i) nasal + oral berhomorganik dan (ii) rangkap nasal + oral tak berhomorganik.

i. Nasal + oral berhomorganik

[ma:puh] “mampus, mati”
[lemu] “lembu”
[na:ti] “nanti”
[tandoʔ] “tandok”
[taŋkaʔ] “tangkap”
[tə:golan] “tenggelam”
[ke:ceŋ] “kencing”
[panjan] “panjang”

Dapat diperhatikan daripada contoh yang diberikan ini, rangkap fonem dalam urutan nasal homorganik memperlihatkan struktur yang berikut:

- a. Segmen nasal digugurkan apabila mengikuti konsonan [-suara] meninggalkan ciri pemanjangan pada vokal. Ada kekecualian pada kata [ləmu] yang menunjukkan konsonan [+suara] yang hadir selepas nasal juga digugurkan. Asmah (2008) memberikan contoh [tam^bəh] bagi dialek Petani Baling yang hanya menunjukkan pelemahan konsonan [+suara], bukannya pengguguran. Bagi Asmah, gejala yang diperlihatkan dalam contoh [ləmu]¹ diakibatkan oleh pengaruh dialek Melayu Patani.
- b. Segmen nasal homorganik dikekalkan dalam urutan nasal + konsonan [+suara].

Struktur yang diperikan dalam (a) dan (b) sebenarnya menyamai struktur nasal homorganik dialek-dialek Melayu di Semenanjung Timur, iaitu yang terkandung dalam Jadual 3.

Jadual 3 Struktur nasal homorganik dalam dialek Melayu di Pantai Timur Semenanjung (Mohd Tarmizi, 2020).

PM	Kelantan/Hulu Kelantan dan Terengganu/Hulu Terengganu, Hulu Dungun	Pahang, Hulu Pahang dan Hulu Tembeling
*mp	Øp	mp
*mb	mb	mb
*nt	Øt	nt
*nd	nd	nd
*ɲc	Øc	ɲc
*ɲj	ɲj	ɲj
*ŋk	Øk	ŋk
*ŋg	ŋg	ŋg

Selain itu, perlu dinyatakan di sini bahawa subdialek Baling juga turut memperlihatkan kehadiran pola rangkap nasal + oral tak homorgan. Pola ini terhasil apabila konsonan nasal dan konsonan alveolar hadir secara berurutan atau bersebelahan. Dalam hal ini, kita ambil maklum bahawa kedua-dua konsonan tersebut dikatakan tak homorgan kerana sifatnya yang tidak seartikulasi. Pola jenis ini hanya hadir pada posisi tengah kata sahaja, malah contoh yang diperolehi juga adalah terhad. Perhatikan contoh yang berikut:

- ii. Nasal + oral tak berhomorganik

[ba:sɛ] “bangsal”

[pa:sa] “pangsa durian”

BEBERAPA CIRI FONOLOGI

Data yang dikumpulkan di Kampung Batu 7 memperlihatkan kewujudan ciri fonologi khas dialek Melayu Baling. Subbahagian ini hanya akan memaparkan tiga ciri fonologi khas yang dimaksudkan.

Nasal Akhir Kata

Dialek Melayu Semenanjung memperlihatkan tiga trajektori gejala nasal akhir kata, iaitu:

- a. Penyatuan semua nasal akhir kepada nasal velar dalam cabang dialek Melayu Semenanjung Timur.
- b. Penyatuan nasal akhir yang mengikuti *i kepada nasal alveolar dalam cabang dialek Melayu Semenanjung Utara.
- c. Pengekalan semua nasal akhir dalam cabang dialek Melayu Semenanjung Selatan.

Walaupun ada trajektori ini yang dipengaruhi oleh lingkungan fonetik tertentu, umpamanya di Hulu Kelantan (Mohd Tarmizi, 2018, 2019), namun kebanyakan dialek Melayu Semenanjung masih mematuhi ketiga-tiga jalur tersebut. Yang menariknya, data yang dikumpulkan di Kampung Batu 7 memaparkan sejenis perubahan fonologi yang baharu khususnya yang melibatkan konsonan nasal BMP *-m. Perhatikan contoh yang berikut:

[ayan] “ayam”
[malan] “malam”
[tanan] “tanam”
[tə:gəlan] “tenggelam”
[bayan] “sejenis sayuran, iaitu bayam”

Dalam contoh ini, BMP *m akhir kata berubah kepada [n]. Perubahan ini sebenarnya sangat lain, dan setakat ini masih belum pernah didokumentasikan di Semenanjung. Maka, inovasi ini boleh dianggap sebagai ciri khas dialek Melayu Baling. Nur Faslin (2015) misalnya pula tidak menemui ciri ini sebaliknya hanya memaparkan ciri penyatuan nasal akhir kepada nasal velar di Simpang Empat dan Teluk Sanau sesuai dengan kesimpulan beliau mengenai pengaruh dialek Melayu Pantai Timur di Baling. Hakikatnya, perubahan BMP *-m > [-n] di Kampung Batu 7 tidak beroperasi dalam semua lingkungan, tetapi hanya melibatkan BMP *-am. Dalam lingkungan lain, BMP *-m berubah kepada [-ŋ]. Perubahan ini sangat umum dalam dialek Melayu, jadi tidak begitu penting untuk tujuan pengelompokan.

Memerhatikan keterbatasan lingkungannya dengan lebih terperinci menunjukkan bahawa perubahan BMP *-m > [-n] dalam dialek Melayu Baling ini memiliki nilai yang serupa dengan gejala nasal akhir dalam dialek Melayu Hulu Kelantan. Dalam dialek yang dituturkan di lembangan Sungai Nenggeri tersebut, nasal akhir BMP dalam urutan *-an berubah menjadi [-aŋ] ketika lingkungan lain memperlihatkan perubahan, serta

dialek-dialek di bahagian hilir pula menunjukkan arah inovasi yang berbeza (Mohd Tarmizi, 2018b). Begitu juga dengan dialek Melayu Hulu Tembeling seperti yang dituturkan di Kampung Kuala Sat. Kunjungan oleh salah seorang penulis artikel ini pada 9–13 Februari 2020 dan 4–10 Ogos 2020 menemui gejala yang menunjukkan BMP *-an berubah kepada [-ay]; sangat menghairankan kerana perubahan ini menyamai perubahan dalam bahasa Iban. Perubahan ini berbeza dengan gejala nasal akhir dialek Melayu Hulu Tembeling yang semuanya menunjukkan kewujudan konsonan hentian, iaitu [ʔ] (Mohd Tarmizi, 2018a).

Hal seperti ini menimbulkan satu persoalan menarik yang perlu mendapat penelitian lanjut, yakni apakah hubungan dialek di kawasan hulu dan kawasan terpencil atau kawasan yang kurang kontak manusiawinya di Semenanjung dengan trajektori perubahan dan pengejalan sistem nasal? Adakah ini juga bermaksud dialek di kawasan hulu dan kawasan terpencil menunjukkan jalur perubahan nasal akhir yang berbeza dengan dialek yang terdapat di hilir dan di kawasan pekan? Mungkinkah dalam trajektori ini terkandung suatu model yang dapat menjelaskannya dan meramalkan gejala yang bakal berlaku?

Artikel ini tidak bertujuan untuk menjawab soalan ini disebabkan data yang sangat terbatas. Sehingga kini pengetahuan yang agak jelas tentang gejala nasal akhir hanyalah gejala yang terjadi dalam dialek utama cabang dialek Semenanjung seperti dialek Melayu Terengganu, dialek Melayu Kelantan dan dialek Melayu Kedah.

Hakikat yang perlu diakui buat masa ini ialah terjadinya perubahan nasal dalam dialek-dialek di kawasan hulu dan kawasan terpencil yang mencabar tanggapan umum tentang sistem fonologi dialek Melayu Semenanjung. Sekurang-kurangnya penerimaan bahawa hanya ada satu jalur perubahan nasal akhir, iaitu penyatuan konsonan nasal kepada nasal velar dan penyatuan konsonan nasal kepada nasal alveolar sudah tercabar kesahihannya. Oleh itu, analisis baharu yang disandarkan pada data yang lebih menyeluruh perlu dibangunkan agar perilaku nasal akhir menjadi lebih jelas dan terang.

Monoftongisasi

Monoftongisasi atau pemonoftongan ialah kebalikan daripada diftongisasi. Maksud monoftongisasi ialah satu proses yang menyebabkan perubahan kualiti vokal daripada diftong kepada monoftong (Crystal, 2008:311).

Maksudnya secara khusus ialah proses pemonoftongan membuatkan urutan dua vokal yang membentuk diftong berubah kepada hanya satu vokal.

Pemerian tentang gejala monoftong dalam dialek Melayu Baling ini berbeza dengan kajian lepas umpamanya Nur Faslin (2015). Menurut pengkaji ini tiada gejala pemonoftongan dalam subdialek Baling. Diftong BMP *-ay dan *-aw serta diftong /oy/ dalam bahasa Melayu standard dikekalkan seperti bentuk asalnya. Pengekalan ini merupakan lanjutan daripada dialek Melayu Kedah justeru menjadi antara hujah Nur Faslin untuk pengelompokan dialek di Baling sebagai “subdialek” kepada dialek Kedah.

Data yang dikumpulkan di Batu 7 ternyata menyanggah dakwaan Nur Faslin dan para pengkaji lain yang sepakat dengan beliau: bahawa dialek Melayu Baling memang memperlihatkan proses pemonoftongan. Dalam hal ini diftong asal yakni BMP *aw dan *ay disingkatkan hanya kepada [ɔ] dan [ɛ]. Contohnya:

[pulɔ] “pulau”
[pisɔ] “pisau”
[kə:ɔ] “kerbau”
[səɣɛ] “serai”
[pətɛ] “petai”
[sunɛ] “sungai”

Penyingkatan diftong asal sebenarnya merupakan gejala yang agak am dalam dialek Melayu Semenanjung, khususnya di sebelah pantai timur. Di Kelantan dan Terengganu, diftong asal BMP secara umumnya mengalami penyatuan kepada [a]. Akan tetapi, penyatuan seperti ini tertakluk pada kawasan. Perubahan diftong asal seperti yang terjadi dalam dialek Melayu Baling menyamai penyatuan diftong dalam dialek Melayu Hulu Pahang. Menurut Mohd Tarmizi *et al.* (2014) dan Mohd Tarmizi (2018), varian Hulu Kechau, khususnya yang dituturkan di Kampung Sentang (varian natif salah seorang penulis artikel ini), memperlihatkan kewujudan leksikal seperti [kəɣɔ] “kerbau”, [pisɔ] “pisau”, [sunɛ] “sungai” dan [səɣɛ] “serai”. Diftong dalam contoh ini serupa dengan penyingkatan diftong asal dialek Melayu Baling yang mengambil bentuk [ɔ] (< *aw) dan [ɛ] (< *ay).

Selain itu, gejala yang melibatkan diftong dan monoftong dalam dialek Melayu Baling tidak seperti kebanyakan dialek di kawasan pedalaman di belah timur Semenanjung. Dalam hal ini Dialek Melayu Baling tidak memperlihatkan diftong yang terhasil daripada proses diftongisasi

khususnya yang melibatkan vokal tinggi dalam suku kata akhir. Akan tetapi, kerap juga kedengaran bentuk [jəyɔʷʔ] “jerut” dan [xəyəkɔʷʔ] “tidur merengkut” daripada infroman yang ditemu bual. Kehadiran contoh ini jelas menunjukkan kewujudan diftongisasi vokal akhir. Namun begitu, disebabkan gejala ini bersifat sporadik, maka pengesahannya memerlukan data yang lebih banyak. Buat masa ini memadailah dibuat kesimpulan bahawa dialek Melayu Baling juga tidak menunjukkan kewujudan sebarang diftongisasi vokal tinggi, ataupun diftongisasi konsonantal, iaitu seperti yang wujud di Hulu Terengganu dan Hulu Tembeling (Collins, 1983, 1998; Mohd Tarmizi *et al.*, 2013; Mohd Tarmizi, 2018).

Inovasi dan Retensi Geseran Velar

Para sarjana sepakat menetapkan bahawa realisasi BMP *ɣ dalam cabang dialek Melayu Semenanjung Utara ialah [ʁ] dan [ʕ], yakni [ʁ] pada posisi awal dan antara vokal, manakala [ʕ] adalah pada akhir kata sebelum kesenyapan; lihat antara lainnya Collins (1996) dan Asmah (2008). Bahkan realisasi ini merupakan ciri distingtif yang mendefinisikan cabang tersebut, seperti penyatuan nasal akhir kepada nasal velar mendefinisikan cabang Semenanjung Timur. Akan tetapi, panorama di Baling berbeza dengan dialek Melayu yang bernaung di bawah cabang dialek Semenanjung Utara. Perbezaan ini terjadi apabila realisasi BMP *ɣ ialah retensi. Maksudnya, *ɣ tetap muncul sebagai [ɣ] pada posisi awal dan antara vokal. Sebagai contoh:

- [ɣuməh] “rumah”
- [ɣame] “ramai”
- [ɣəbuh] “rebus”
- [jəyən] “buah jering”
- [bʰɣəpəh] “berhempas, menghempas seseorang ketika bergaduh”
- [səyɛ] “serai”

Pada posisi akhir kata sebelum kesenyapan BMP *ɣ mengalami pengguguran. Proses ini memberikan kesan kepada vokal yang ada di kedudukan sebelumnya yang mengalami perubahan nilai. Perhatikan contoh di bawah:

- [bakə] “bakar”
- [akə] “akar”
- [ilɛ] “hilir”
- [həpɛ] “hanyir”

[a:co] “hancur”
 [jubo] “punggung”

Contoh yang ditampilkan ini menyamai gejala dalam cabang dialek Semenanjung timur. Mohd Tarmizi (2018) ada menampilkan contoh-contohnya. Menurut beliau, dialek Melayu Hulu Pahang umpamanya memperlihatkan bentuk seperti [bakɛ] “bakar”, [ilɛ] “hilir” dan [apco] “hancur”; manakala di Kelantan pula bentuknya ialah [baka] “bakar”, [ile] “hilir” dan [jubo] “punggung”; Terengganu hampir menyamai Kelantan kecuali dalam realisasi *bakay “bakar” yang direalisasikan sebagai [bakɛ]. Dialek Melayu Patani lebih mengikuti dialek Melayu Kelantan, dan ini dapat dilihat dalam contoh [baka] “bakar”, [bibe] “bibir” dan [kapo] “kapur” (Ruslan, 2011). Sangat jelas bahawa dalam ciri realisasi geseran velar bersuara akhir dialek Melayu Baling menyerlahkan kedekatan hubungan dengan dialek Melayu di Pantai Timur Semenanjung seperti yang didakwa oleh Nur Faslin (2015) umpamanya. Fakta ini menuntut kita untuk mempersoalkan semula kerelevanan pengelompokan sedia ada mengenai dialek tersebut.

Aspirasi

Satu ciri yang menarik dalam dialek Melayu Baling ialah kewujudan ciri aspirasi. Ciri ini agak asing di Semenanjung. Dalam masa yang sama, ciri ini sukar dikesan kerana selalu dikelirukan dengan bunyi konsonan utuh. *Kamus Linguistik* (1997: 90, 182) menterjemahkan *aspiration* kepada hembusan dan penghembusan. Takrif yang diberikan sangat umum, iaitu merujuk bunyi udara yang kedengaran jelas khususnya ketika penghasilan konsonan letupan /p/, /t/ dan /k/. Aspirasi dikatakan terjadi apabila /p/ dan /t/ dibunyikan sebagai [p^h], [t^h] dan [k^h]. Contoh aspirasi di Baling agak terbatas, tetapi dapat dikesan dalam [p^hʷoh] “buah pauh” dan [t^h:u] “tahu”. Ada juga satu contoh yang melibatkan konsonan letupan bersuara, iaitu [b^hu] “kepala bahu, bahu”.

Contoh yang terhad menyukarkan analisis dan kesimpulan tuntas diambil. Akan tetapi, jika kita meninjau kosa ilmu, ternyata perbincangan mengenainya bukanlah asing umpamanya Shuib (1971:11) yang beranggapan bahawa kewujudan ciri yang pelbagai di kawasan Baling, khususnya yang melibatkan ciri aspirasi, adalah disebabkan oleh faktor migrasi atau penghijrahan masyarakat Melayu dari Selatan Thailand. Andaian Shuib Ismail ini mungkin ada asasnyanya. Akan tetapi, jika diteliti

maklumat yang diberikan oleh Ruslan (2011) jelas menunjukkan bahawa tidak ada gejala aspirasi dalam dialek Melayu Patani kecuali pada konsonan /c/ yang direalisasikan sebagai [c^h]. Jadi, cerapan Shuib tidak tepat jika maklumat Ruslan diambil kira.

Penjelasan kepada ciri aspirasi ternyata masih belum jelas. Persoalan mengenai pembentukan ciri ini yang diakibatkan oleh perubahan suku kata seperti gejala aspirasi dalam bahasa Thai-Kadai dan Mon-Khmer juga masih belum mencapai titik akhir. Yang perlu diutamakan dalam kajian mendatang ialah mengumpulkan data yang lebih banyak meliputi semua konsonan letupan dan letusan agar pola mengenai gejala aspirasi dapat diserlahkan dengan lebih terperinci.

PERBINCANGAN

Inventori fonem dan analisis beberapa ciri fonologi membuktikan dua perkara. Pertama, dialek Melayu Baling terpisah daripada cabang dialek Semenanjung utara. Dengan kata lain, dialek ini bukan “subdialek” kepada dialek Melayu Kedah. Kedua, oleh sebab dialek ini terpisah daripada induk yang sering diuar-uarkan selama ini, maka dialek Melayu Baling memerlukan pengelompokan yang tersendiri. Kesimpulan ini berbeza dengan tanggapan para pengkaji lepas yang menyatakan dialek Melayu Baling sebagai “subdialek” kepada dialek Melayu Kedah, maka seharusnya bernaung di bawah cabang dialek tersebut (Asmah, 2008; Nur Faslin, 2015).

Terdapat beberapa ciri fonologi yang membolehkan kesimpulan pertama diambil. Antaranya termasuklah kewujudan fonem [ɣ] sebagai realisasi BMP *ɣ pada posisi awal dan antara vokal serta penggugurannya pada posisi akhir sebelum kesenyapan menjadi indikator umum mengenai kelainan dialek Melayu di Baling jika dibandingkan dengan dialek-dialek di Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan sebahagian Perak yang kesemuanya memiliki fonem [ɣ] di awal dan antara vokal serta [ʃ] pada posisi final. Penyatuan nasal BMP *m dan *n kepada [n], selain gejala menoftongisasi, termasuk yang dikatakan sebagai ciri aspirasi, juga menjadi bukti ampuh yang mewajarkan dialek Melayu Baling harus dianggap sebagai dialek yang tersendiri bukannya sebagai “subdialek” kepada dialek Melayu Kedah.

Yang menjadi persoalan ialah apakah kelompok dialek yang sesuai untuk menaungi dialek Melayu Baling? Memandangkan kajian dialek Melayu Baling masih pada peringkat awal, maka artikel ini tidak

mengemukakan penyelesaian yang tuntas melainkan hanya andaian. Yakni, mungkinkah ada cabang dialek Melayu baharu yang merangkaikan dialek Melayu di Baling-Sik-Pengkalan Hulu-Jeli? Kewujudan kelompok dialek Melayu ini sangat relevan untuk difikirkan. Selain justifikasi linguistik seperti monoftongiasi, pengekalan konsonan geseran velar di awal dan di antara vokal serta penggugurannya di akhir kata yang dibincangkan sebelum ini, sebab geografi juga boleh digunakan sebagai hujah tambahan. Kawasan-kawasan ini memang berada dalam lingkungan geografi yang berdekatan. Jadi, kemungkinan untuk berlakukan kesamaan dari segi linguistik itu sangat tinggi. Kontak manusiawi khususnya yang berkaitan dengan migrasi dan sejarah juga boleh difikirkan sebagai faktor yang relevan sebagai sebab keserupaan linguistik khususnya yang terkait dengan gejala aspirasi. Akan tetapi, beberapa ciri lain sukar juga untuk hanya dikaitkan dengan migrasi. Misalnya ciri perubahan nilai vokal BMP *a dalam urutan *-aɣ yang memperlihatkan bentuk [ɛ]. Perubahan seperti ini kerap ditemui di Terengganu, Pahang dan Johor. Jadi, adakah kewujudannya disebabkan peminjaman atau inovasi bersama masih belum dapat dipastikan secara tuntas dengan data yang ada kini.

KESIMPULAN

Dalam tahun 1995 (kemudian diterbitkan semula pada tahun 1999) Collins ada menyentuh tentang kewujudan daftar kanonik dialek Melayu, yakni sebuah daftar yang diterima umum tanpa ada penilaian kritis terhadap aspek teoretis dan empiris yang mendasarinya. Pengetahuan kita tentang dialek Melayu di Baling pun boleh dianggap sebagai sejenis daftar kanonik. Hal ini kerana sejak sekian lama kita menerima dengan yakin bahawa dialek tersebut merupakan salah satu varian atau subdialek kepada dialek Melayu Kedah. Analisis awalan yang dibentangkan dalam artikel ini sudah cukup untuk kita menolak penerimaan terhadap daftar kanonik dialek Melayu, iaitu daftar yang menatijahkan anggapan bahawa dialek Melayu Baling ialah subdialek kepada dialek Melayu Kedah; sedangkan analisis fonologi yang dipaparkan dalam artikel ini menunjukkan dialek Melayu Baling tidak sepatutnya dianggap sedemikian kerana cirinya jelas menunjukkan perbezaan yang ketara. Faktanya yang harus diutamakan di sini ialah asas empiris, yakni setiap keyakinan dan dakwaan mesti didasarkan pada bukti empirik dan analisis yang berhubung pada dimensi teoretis. Dengan itu baharulah kedudukan dan keabsahan sesebuah dialek dan pengelompokannya mendapat legitimasi ilmiah. Begitulah juga dengan

dialek Melayu Baling yang seharusnya diangkat sebagai sebuah dialek Melayu yang memiliki ciri khas justeru memerlukan pengelompokannya yang tersendiri.

NOTA

1. Asmah (2008) mentranskriarkan “lembu” sebagai [ləmuj].

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini didanai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) menerusi Fundamental Research Grant Scheme (FRGS-Racer) (RACER/1/2019/SSI01/UUM//1).

RUJUKAN

- Abdul Karim Ismail. (1971). *Dialek Baling: Sifat-sifat umum kumpulan teks latihan Ilmiah*. Universiti Malaya.
- Ajid Che Kob. (1985). *Dialek geografi Pasir Mas*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chambers, J.K & Trudgill, P. (1998). *Dialectology*. Cambridge University Press.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur galur bahasa Melayu*. Edisi kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1989). *Antologi dialek Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (1996). *Khazanah dialek Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1998). Bahasa Melayu Hulu Tembeling: Menjejaki Sejarah Semenanjung. *Jurnal Dewan Bahasa*, 2, 145–157.
- Collins, J. T. (1999). *Wibawa bahasa: Kepiawaian dan kepelbagaian*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crystal, D. (2008). *A dictionary of linguistics and phonetics* (Edisi ke-6). Blackwell Publishing.
- Dixon, R. M. W. (2010). *Basic linguistic theory, vol. 1: Methodology*. Oxford University Press.
- Ida Ahmad. (1969). Fonologi bahasa Kedah. *Jurnal Dewan Bahasa*, 13(12), 531-537.
- Bahagian Perkamusan. (1997). *Kamus linguistik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahsun. (1995). *Dialektologi diakronik: Sebuah pengantar*. Universitas Gadjah Mada Press.

- Mohd Tarmizi Hasrah, Shahidi A. H. & Rahim Aman. (2013). Inovasi dan retensi dalam Dialek Hulu Tembeling. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(3), 211-222.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A. H. (2014). *Fosil Dialek Hulu Pahang*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2018a). Analisis sejarah fonologi dan pengelompokan dialek Melayu hulu di bahagian timur Semenanjung Malaysia (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2018b). Dialek Melayu di hulu Kelantan: Sebuah laporan awal. *Jurnal Bahasa* 18(2), 219–252.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2019). Penasalan vokal dalam dialek Melayu hulu Pahang. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 199–230.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2020). Penyebaran nasal homorganik dalam dialek Melayu Semenanjung. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 9(1), 1-23.
- Norfazila dan Rahim Aman. (2015). Proses pemanjangan vokal dalam dialek Hulu Sik Kedah: Satu penerapan teori fonologi generatif model non-linear. *Journal of Social Science & Humanities*, 9(2), 195-205.
- Nothofer, B. (1993). Cita-cita penelitian dialek. Dlm. Farid M. Onn dan Ajid Che Kob (Pnysn.), *Simposium dialek: Penyelidikan dan pendidikan*. Hlm. 165-200. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Faslin Sulaiman. (2015). *Sistem fonologi subdialek Baling, Kedah*. Disertasi ijazah sarjana muda. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ruslan Uthai. (2011). *Keistimewaan Dialek Melayu Patani*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahidi A. H. (2009). Alternasi dalam fonologi subdialek Kedah Utara. *Jurnal Bahasa*, 9(2), 302-325.
- Shuib Ismail. (1971). *Dialek Kedah persisiran: Satu kumpulan teks serta pembicharaan linguistik* (latihan ilmiah Sarjana Muda Sastera tidak diterbitkan). Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Trudgill, P. (2011). *Sociolinguistics typology: Social determinants of linguistic complexity*. Oxford University Press.
- Umaiyah Umar. (1999). *A Classification of Thai-Kedah Dialects using Phonological Characteristics*. Universiti Malaya.